

08/03/2000

Menangani pengaruh budaya asing di televisyen

Mustafa Albakri Baharom

BARU-BARU ini, budayawan dan karyawan tempatan meluahkan kebimbangan terhadap penguasaan budaya asing khususnya Barat yang mungkin diterapkan melalui siaran televisyen digital terhadap rakyat negara ini, terutama di kalangan masyarakat Cina. Ini berasaskan sogokan program dan berita mengenai China melalui siaran Astro.

Stesen televisyen satelit itu yang mempunyai 29 saluran televisyen untuk kira-kira 310,000 pelanggannya menawarkan tiga pakej, iaitu Dunia, Filem dan Dinasti. Pakej Dinasti khusus menyiarkan program berbahasa Cina, iaitu Astro AEC, TVBS Asia, Phoenix dan Astro Wah Lai Toi di samping saluran berita stesen tempatan dan hiburan yang disiarkan menerusi pakej Dunia dan Berita. TVBS Asia dipancarkan dari Hong Kong dan kebanyakan beritanya mengenai perkembangan di tanah besar China.

Sebuah lagi stesen televisyen satelit, Mega TV turut menyajikan program berita, filem dan dokumentari dari Barat melalui tujuh programnya kepada kira-kira 400,000 pelanggan di rumah dan kira-kira 5,000 pelanggan komersil. Mega TV dilancarkan enam tahun lalu sebelum disusuli oleh Astro tiga tahun kemudian.

Budayawan dan karyawan terbabit khuatir penonton stesen satelit berkenaan tidak lagi mengindahkan perkembangan dalam negara, sebaliknya terpengaruh dengan pemikiran asing dan mendesak kerajaan mengawal kemasukan program asing yang disiarkan. Berikutan kebimbangan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan mengkaji sama ada penyiaran program asing menerusi stesen satelit Astro mempengaruhi pemikiran dan budaya rakyat tempatan. Perdana Menteri berkata, kerajaan ingin mengetahui sama ada kemasukan program asing yang ditonton oleh rakyat memberi kesan buruk atau sebaliknya.

Astro dan Mega TV muncul di negara ini berikutan pelaksanaan Dasar Langit Terbuka yang juga diminta dikaji semula oleh budayawan dan karyawan terbabit yang khuatir dengan pengaruh terhadap penghakisan perpaduan kaum, hala tuju negara dan jati diri bangsa yang menontonnya.

Selain televisyen satelit, Dasar langit Terbuka juga membolehkan Internet yang diiringi World Wide Web berkembang pesat dalam sejarah teknologi komunikasi negara ini. Internet yang membolehkan orang ramai menerima maklumat serentak pada satu masa diperkenalkan di negara ini oleh Mimos melalui rangkaian Jaring pada 1991. Ia adalah lonjakan kepada Rangkaian Komputer Malaysia (RangKom), rangkaian mel dan forum elektronik yang dilancarkan pada 1987. Satu lagi jaringan Internet ialah TM Net yang diperkenalkan pada 1996.

Teknologi komunikasi maklumat begitu berpengaruh sehinggakan seolah-olah wujud cengkaman tangan ghaib dalam menentukan rentak tari kegiatan ekonomi dan politik antarabangsa. Fenomena serampang dua mata - globalisasi dan revolusi teknologi maklumat - mencetuskan satu bentuk dominasi Amerika yang ditakrif oleh pensyarah Universiti Harvard, Joseph Nye sebagai kuasa tidak nyata (soft power). "Dominasi Amerika adalah gabungan kuasa hakiki dan kuasa tidak nyata. Kuasa hakiki ditebarkan melalui tekanan politik dan ketenteraan, manakala kuasa tidak nyata diserapkan melalui kegiatan ekonomi dan kebudayaan yang dipancarkan melalui teknologi komunikasi," katanya.

Dasar Langit Terbuka bertujuan mewujudkan pengaliran maklumat dua hala di antara Utara (Barat) dan Selatan (Dunia Ketiga). Bagaimanapun, selepas sekian lama, keadaan yang berlaku adalah sebaliknya. Kecanggihan teknologi

komunikasi maklumat sejak dua dekad lalu bukan saja menyebabkan dada akhbar di negara Selatan dipenuhi limpahan berita dan rencana dari agensi media Barat, malah rangkaian televisyen Barat dipancarkan terus ke ruang tamu rakyat negara Dunia Ketiga.

Pengamal media dan wartawan Dunia Ketiga pernah merumuskan Piagam Informasi Baru Dunia melalui Unesco pada 1972 dan 1973 yang membantah pengaliran maklumat dan berita yang tidak seimbang. Bagaimanapun, menurut tokoh wartawan, Tan Sri Abdul Samad Ismail, hingga kini media di negara membangun masih menjadi penerima pasif berita dan rencana yang disalurkan oleh AP, AFP, Reuters, CNN, CNBC, BBC, Bloomberg dan Bridge yang lebih kerap memaparkan unsur negatif dan berat sebelah seperti bencana alam, pembunuhan, peperangan dan kebuluran di Dunia Ketiga manakala kecemerlangan Barat sering diberi liputan meluas.

Kebudayaan Barat kini melimpah-ruah di Malaysia melalui media baru dan lama. Tidak dinafikan tamadun negara ini diancam oleh imperialisme budaya Amerika. Filem dan siri televisyen Amerika mengetengahkan gaya ikutan (role model) yang menjadi ikutan rakyat negara ini terutama remaja dan belia. Jika rakyat Amerika menukar tabiat mereka, kita meneladaninya.

Produk Amerika memberi gambaran kepada corak hidup yang diidam-idamkan oleh pengguna di negara membangun. Media Barat cuba membentuk pemikiran rakyat dan cita rasa untuk mendapatkan apa yang digambarkannya sebagai produk global yang meliputi siaran media atau hiburan serta makanan segera seperti burger, pizza, pakaian selain gaya hidup.

Amerika mengeksport sistem nilai politik yang dibaluti oleh budayanya. Syarikat Internet dan media Amerika menguasai ekonomi berasaskan maklumat (k-ekonomi) melalui konglomerat oligopoli yang mempunyai pengaruh politik yang luas di seluruh dunia. American Online-Time Warner, Disney ABC, Bertelsmann, Viacom dan News Corporation adalah gergasi media Amerika yang sudah merentas semua sempadan negara.

Wajarkah kita membendung dominasi kebudayaan Amerika ini dengan menyekat program yang dipancarkan ke negara ini?

Pada 1998 beberapa negara diketuai oleh Kanada yang khuatir terhadap penguasaan Amerika terhadap identiti nasional mereka meminta pengecualian industri budaya, iaitu filem, buku dan majalah daripada Perjanjian Pelbagai Hala Mengenai Pelaburan. Negara terbabit meminta supaya budaya ditakrif sebagai elemen unggul identiti negara dan bukan dikategorikan sebagai sebahagian daripada kegiatan komersil. Apa yang dikehendaki oleh negara terbabit ialah perlindungan budaya dari segi komersil dan ideologi.

Kanada adalah negara yang agak teruk terjejas dengan ledakan bahan berbahasa Inggeris. Menurut kajian Yayasan Suntory dari Jepun, sebanyak 96 peratus daripada filem yang ditayangkan di Kanada adalah filem asing terutama dari Amerika. Tiga suku daripada muzik yang berkumandang pula adalah daripada album artis Amerika. Empat daripada lima majalah di pasarannya adalah majalah Amerika dan enam daripada 10 buku yang dijual adalah dari negara asing terutama Amerika.

Bagi kebanyakan negara, lambang dominasi budaya Amerika ialah Hollywood. India dan Hong Kong menghasilkan banyak filem tetapi penguasaannya tidak sehebat Amerika. Di negara Kesatuan Eropah, filem Amerika menguasai 70 daripada pasaran pada 1996, meningkat daripada 56 peratus pada 1987. Begitu juga di Jepun, Amerika kini menguasai lebih 50 peratus daripada pasaran filemnya.

Menurut laporan majalah Economist pada September lalu, Perancis sendiri yang bangga dengan keunggulan budayanya tidak terkecuali daripada dominasi budaya Amerika. Pada 1989, Perancis mendesak EU supaya mewajibkan televisyen negara anggota menyiarkan 40 peratus daripada rancangan televisyen dengan hasil karyawan tempatan. Jerman juga adalah antara negara EU yang mengurangkan penayangan program televisyen Amerika.

Sesungguhnya kita tidak wajar menyalahkan Amerika semata-mata terhadap dominasinya. Ketika kita terpukau dengan kecanggihan teknologi komunikasi maklumat yang kita miliki, kita gagal meraih faedah besar daripada teknologi berkenaan kerana kurang arif dalam menghasilkan kadungan budaya tempatan yang bersesuaian. Negara dan syarikat tempatan mengeluarkan pelaburan yang besar untuk membina dan memasang infrastruktur dan perkakasan, tetapi berbelanja agak kecil dalam menghasilkan perisian dan kandungannya.

Stesen televisyen satelit tempatan sekadar menjadi pemancar siaran televisyen Barat. Sesungguhnya kita perlu menggunakan infrastruktur teknologi komunikasi maklumat berkenaan dengan kandungan yang kita cipta sendiri mengikut acuan kita. Jika tidak, kita hanya menjadi buruh murah yang cekap mengadun bahan budaya Barat untuk masyarakat tempatan. Kecanggihan teknologi yang kita miliki tidak bermanfaat sepenuhnya jika kita gagal membangunkan kandungan tempatan. Malaysia perlu mengorak langkah untuk membetulkan keadaan melalui latihan dan perkongsian bijak.

Walaupun kita khuatir dominasi Amerika melalui Dasar Langit Terbuka boleh mempengaruhi pemikiran rakyat dalam menentukan hala tuju negara ini, kita tidak perlu menolak semua siaran televisyen Barat kerana tidak semua daripada Barat buruk belaka. "Ada nilai luhur yang turut dipaparkan oleh sitkom Amerika yang kesudahan ceritanya berakhir dengan memaparkan sistem nilai persahabatan, kekeluargaan dan masyarakat yang baik," kata pensyarah Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Arfah Yusof.

"Sebaliknya, sesetengah sitkom Melayu memaparkan unsur negatif seperti hasad dengki, fitnah, dendam kesumat dan pergaduhan. Kebanyakan sitkom Melayu juga tidak berkesudahan dengan memaparkan sistem nilai Melayu yang luhur. Karyawan sitkom dan filem tempatan juga patut ditegur. Kenapa hanya mengkritik Astro?" katanya. Sambil menyambut baik kajian mengenai kesan siaran televisyen satelit terhadap minda dan budaya tempatan, beliau berkata, kajian yang serupa juga wajar dijalankan terhadap kesan sitkom dan filem tempatan.

Walau apa pun, televisyen tempatan belum memenuhi kuota kandungan tempatan sebanyak 80 peratus kecuali RTM1. TV3 sudah mencapai 56 peratus kandungan tempatan. Mungkin stesen televisyen digital juga perlu dikenakan peraturan berkenaan supaya kegiatan mereka selari dengan agenda nasional.

Satu lagi cara untuk menangkis atau melawan pengaruh media Barat ialah menggunakan kewarasan dan kewajaran pemikiran sendiri dalam menilai penerapan budaya asing kerana kecenderungan media Barat adalah membantu dasar luar negara mereka. Kita berupaya mempertahankan kedaulatan negara ini daripada dominasi budaya Barat melalui media berasaskan sistem nilai kita sendiri yang perlu kita pupuk bersama.

(END)